

D573

U B576 DEB
MAHATHIR - BUKIT TUKU

KOTA BAHARU, 17 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MAHUKAN UMNO SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG MENJADI TUNGGAK KEKUATAN BARISAN NASIONAL BAGI MENJAMIN PERPADUAN, PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA SENTIASA WUJUD DI KALANGAN PARA ANGGOTANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERJASAMA YANG BAIK ANTARA SESAMA ANGGOTA UMNO AKAN MEMBAWA PULA KEPADA KERJASAMA ANTARA KAUM-KAUM YANG MENGANGGOTAI BN.

+KALAU KITA BERPECAH BELAH, KITA AKAN RUGI,+ TEGAS BELIAU, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, SEMASA BERUCAP KEPADA KIRA-KIRA 400 ORANG PEKERJA PILIHAN RAYA KECIL KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BUKIT TUKU DAN JAWATANKUASA 14 PETI UNDI DI BANGUNAN UMNO DI SINI, HARI INI.

(PENAMAAN CALON BAGI PILIHAN RAYA KECIL ITU YANG DITETAPKAN ESOK TELAH DIBATALKAN SELEPAS MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR MEMBENARKAN PERMOHONAN BEKAS CALON PAS, ENCIK FATAH HARUN, MELARANG SURUHANJAYA PILIHANRAYA ATAU EJENNYA MENGADAKAN PENAMAAN CALON).

KATANYA, WALAUPUN PILIHAN RAYA DI BUKIT TUKU HANYALAH PILIHAN RAYA KECIL YANG TIDAK MENGUBAH KEDUDUKAN KERAJAAN SEKARANG, SAMA ADA MENANG ATAU KALAH, TETAPI KEMENANGANNYA PENTING UNTUK MEMBUKTIKAN BAHAWA UMNO IALAH SEBUAH PARTI YANG KUAT.

SELAKU Pengerusi BN, BELIAU MEMINTA SEMUA JENTERA PARTI-PARTI GABUNGAN (DI KELANTAN) DIGERAKKAN MULAI SEKARANG AGAR BN SENTIASA BERSIAP SEDIA MENGHADAPI PILIHAN RAYA ITU PADA BILA-BILA MASA SAHAJA IAITU APABILA LARANGAN BERKENAAN DITARIK BALIK. -- LAGI/MT
1556MST 17 04 87

U B577 DEB
MAHATHIR - BUKIT TUKU 2 KOTA BAHARU

BELIAU BERHARAP SELURUH ANGGOTA UMNO MENYINGKIRKAN SEGALA SALAH FAHAM ANTARA SESAMA SENDIRI YANG TIMBUL EKORAN PERTANDINGAN PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN UMNO DEMI MENJAMIN KAWASAN BUKIT TUKU YANG KETINGGALAN DARIPADA SEGI INFRASTRUKTUR TETAP DIWAKILI OLEH BN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA PERHATIAN YANG SERIUS AKAN DIBERIKAN KEPADA BUKIT TUKU, JIKA BN MENCAPAI KEMENANGAN DALAM PILIHAN RAYA ITU KELAK.

MENGENAI CALON, BELIAU BERKATA SOAL SIAPA YANG AKAN DIPILIH MENJADI CALON TIDAK BEGITU PENTING DAN APA YANG PENTING CALON ITU DAN BN MENCAPAI KEJAYAAN.

+SAYA BERHARAP SOAL MENENTUKAN CALON DISERAHKAN KEPADA ORANG LUAR DARI BUKIT TUKU DAN BIARLAH SAYA MENENTUKANNYA,+ TEGAS BELIAU.

BELIAU YAKIN DALAM PILIHAN RAYA ITU KELAK, PARTI-PARTI LAIN YANG MENGANGGOTAI BN SEPERTI MCA, GERAKAN, HAMIM DAN BERJASA AKAN BEKERJA KERAS UNTUK MEMBERI KEJAYAAN KEPADA CALON YANG DIPILIH.

KERJASAMA YANG TELAH DITUNJUKKAN SELAMA INI OLEH PARTI-PARTI KOMPONEN BN MEMBUKTIKAN BAHAWA IA BOLEH MENCAPAI KEJAYAAN, WALAUPUN DI KAWASAN YANG MENJADI KUBU KUAT PARTI LAWAN.

+APA YANG LEBIH PENTING, KITA JANGAN MEMIKIRKAN SOAL-SOAL REMEH-TEMEH DAN KEPENTINGAN PERIBADI,+ TAMBAHNYA. -- BERNAMA/MT
1559MST 17 04 87